

05/05/2000

Menteri diarah lawat Teluk Kemang

PORT DICKSON, Khamis - Perdana Menteri mengarahkan semua menteri melawat kawasan Parlimen Teluk Kemang di sini untuk mengetahui sendiri masalah yang mempunyai kaitan dengan kementerian masing-masing.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengeluarkan arahan itu semalam dan mahu sebarang masalah diatasi segera.

"Kerajaan juga akan menunaikan semua janji yang dibuat ketika pilihan raya umum lalu, termasuk isu pampasan kepada mangsa wabak Japanese Encephalitis (JE) yang melanda kawasan ternakan babi dalam kawasan Parlimen itu tahun lalu," katanya.

Menurutnya, Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng menemuinya bagi membincangkan isu membabitkan bayaran pampasan kepada penternak dan masalah itu akan diselesaikan segera oleh kerajaan.

Beliau yang juga Presiden MIC berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin MIC dari 69 cawangan Teluk Kemang di Bayu Beach Resort di sini, malam tadi.

Pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang akan diadakan berikutan kematian penyandanginya, S A Anpalagan, Jumaat lalu.

Samy Vellu berkata, Barisan Nasional (BN) akan menghadapi cabaran besar dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang kerana ramai tokoh parti pembangkang berminat bertanding di sini.

Bagaimanapun, katanya BN sanggup menghadapi siapa saja tokoh parti pembangkang yang bertanding di Parlimen itu.

(END)